

07/05/1999

Menteri wajib hadir mesyuarat projek

KUALA LUMPUR, Khamis - Tiada menteri yang boleh dikecualikan daripada menghadiri mesyuarat dua kali seminggu bagi memantau projek pembangunan di bawah kementerian mereka.

Arahan itu diputuskan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan dipersetujui mesyuarat Kabinet semalam.

Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sebelum ini memang ada kementerian yang mana pegawai peringkat tertinggi atau menteri kurang memantau pelaksanaan projek mereka.

"Sudah semestinya menteri hinggalah pegawai peringkat tertinggi daripada ketua setiausaha (KSU) dan ketua pengarah perlu terbabit.

"Ini kerana kalau ada sebarang masalah, keputusan perlu dibuat dengan segera," katanya kepada pemberita selepas menghadiri dialog khas selama kira-kira dua jam dengan pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) di sini, hari ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali, dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Samsudin Osman.

Beliau ditanya mengenai laporan adanya pegawai tertinggi kementerian tidak berfungsi seperti seharusnya dalam memantau kemajuan projek pembangunan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, semalam berkata, sikap menteri dan KSU tidak mengambil tahu projek kementerian mereka menyebabkan banyak projek tidak disiapkan mengikut jadual.

Ahad lalu, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin mendedahkan enam agensi kerajaan dikesan belum membelanjakan satu sen pun peruntukan pembangunan dalam suku pertama tahun ini.

Enam agensi itu adalah antara 16 daripada 34 jabatan dan kementerian yang didapati kurang berbelanja antara 50 hingga 100 peratus bagi peruntukan pembangunan sejak Januari hingga Mac lalu.

Abdullah berkata, kehadiran menteri dan KSU penting untuk mendapatkan keputusan bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menjayakan projek dan program kerajaan.

Beliau mahu perhatian lebih diberi terhadap status pelaksanaan projek pembangunan yang sudah mempunyai peruntukan tertentu.

Menurutnya, pegawai PTD perlu menyampaikan laporan tahap pelaksanaan projek pembangunan kepada Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, mengikut jadual.

"Saya telah menjelaskan kalau dulu mesyuarat kakitangan banyak juga memberi perhatian kepada hal kepegawaian, sekarang ini menjadi harapan kita supaya mereka memberi perhatian lebih kepada status pelaksanaan projek pembangunan yang telah disediakan peruntukan tertentu untuknya.

"Kita tidak mahu lihat nanti akhir tahun berlaku terlalu banyak duit yang tidak dibelanjakan kerana masalah pentadbiran apabila melaksanakan sesuatu projek pembangunan," katanya.

Abdullah meminta supaya institusi yang dikenal pasti seperti Institut Tadbiran Awan Negara (Intan), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan ICU supaya menyimpan maklumat mengenai langkah mengatasi masalah tertentu pada masa lalu untuk dijadikan rujukan.

Cara itu akan mewujudkan PTD yang kaya dengan pengalaman dalam menangani masalah masa depan.

Beliau juga berharap PTD sentiasa patuh kepada kerajaan dan melaksanakan arahan diberi dengan baik dan cekap.

"Saya minta tradisi perkhidmatan yang baik akan dapat dipelihara dan mereka dapat bekerja dengan penuh dedikasi dan disiplin," katanya.

Abdullah juga meminta semua keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dapat dilaksanakan dengan baik supaya usaha pemulihan ekonomi berjalan lancar.

Menurutnya, PTD perlu memanfaatkan mesyuarat dengan memberi pandangan kerana kerajaan menghargai pandangan sama ada daripada pegawai tinggi atau rendah.

"Apabila terbabit dalam mesyuarat kita mesti bebas beri pandangan yang berguna, membuat penilaian objektif walaupun kritikal tetapi dilakukan demi faedah bersama," katanya.

(END)